

**PERSATUAN FOOCHOW SIBU (1900–1999):  
HUBUNGANNYA DENGAN PEMBANGUNAN  
EKONOMI SIBU**

oleh

**WONG DOH GEE**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Sarjana Sastera**

**Ogos 2008**

## **PENGHARGAAN**

Penulis berasa syukur kepada Tuhan kerana dengan izinNya telah berjaya menyiapkan tesis ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dalam proses untuk menyiapkan kajian ini penulis amat terhutang budi kepada banyak pihak. Penulis amat berterima kasih kepada penyelia utama penulis Dr. Mohd. Isa Othman, yang juga merupakan pensyarah Bahagian Sejarah di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia kerana sudi memberi bantuan, tunjuk ajar, teguran, saranan dan bimbingan yang amat berguna. Penulis juga amat berterima kasih kepada penyelia bersama Dr. Abdul Rahman Haji Abdullah kerana pertolongan yang amat berguna dan juga melayani kerenah penulis dengan penuh sabar.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh kaki tangan Bahagian Sejarah di Pusat Pengajian Jarak Jauh dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah memberi cadangan, kritikan dan bantuan yang berguna dan membina.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua kaki tangan Arkib Negara Cawangan Sarawak, Pejabat Daerah Sibu, Pejabat Residen Sibu, Persatuan Foochow di Sibu, Kuching, Sarikei, Miri, Meradong, Tawau, Kuala Belait, Taiping, Pulau Pinang, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Awam di Sibu, Kuching dan Sarikei, Pusat Kegiatan Guru di Sarikei, Sibu dan Kuching, Pusat Sumber Negeri Sarawak, Muzium

Sarawak, Chinese Muzium Cina Kuching, Civic Centre Museum, Sibul, Musium Mini Persatuan Sibul, Sibul dan The Timber Museum, Kuching yang telah memberi kerjasama yang rapat dan mesra kepada penulis. Penulis juga ingin berterima kasih kepada semua yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung. Akhirnya, penulis ingin menyatakan penghargaan dan kasih sayang yang sebesar-besarnya kepada isteri dan anak-anak tersayang.

## SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI PETA</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>ABSTRAK</b>	xiv
<b>ABSTRACT</b>	xv
<b>BAB SATU : PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Tujuan Kajian	2
1.2 Kajian Lepas	3
1.3 Kaedah Kajian	5
1.4 Masalah Kajian	6
1.5 Sejarah Awal Sarawak	6
1.5.1 Pemerintahan Sir James Brooke dan hubungan dengan Orang Cina	7
1.5.2 Sarawak di Bawah Sir Charles Brooke dan hubungan dengan Orang Cina	12
1.5.3 Charles Vyner Brooke dan Orang Cina	15
1.5.4 Orang Cina Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945	16
1.5.5 Sarawak Sebagai Tanah Jajahan British 1946-1963	17
1.5.6 Pemberontakan Brunei 1962	19
1.5.7 Pembentukan Malaysia	20
1.6 Perkembangan Ekonomi, Sosial dan Politik Sibu 1880 – 1999	23
1.7 Persatuan-persatuan Foochow di Malaysia	31
1.8 Kesimpulan	35
<b>BAB DUA : PENGIJRAHAN MASYARAKAT FOOCHOW KE SARAWAK</b>	
2.0 Pengenalan	37

2.1	Hubungan Pemberitahuan Kerajaan Charles Brooke dan Dasar Booke Terhadap Penghijrahan Peneroka Cina ke Sibul	43
2.2	Penghijrahan Peneroka-peneroka Foochow ke Sibul di bawah Pimpinan Wong Nai Siong	47
2.3	Keistimewaan serta Faktor-faktor Kejayaan Orang-orang Foochow	59
2.4	Kesimpulan	65

## **BAB TIGA : PERKEMBANGAN PERSATUAN-PERSATUAN**

### **FOOCHOW DI SARAWAK : TUMPUAN DI SIBU**

3.0	Pengenalan	66
3.1	Persatuan Foochow Sibul	70
3.1.1	Tujuan Penubuhan Persatuan Foochow Sibul	81
3.1.2	Struktur Organisasi Persatuan Foochow Sibul	82
3.1.3	Peranan Kumpulan Pemuda Foochow Sibul	86
3.1.4	Peranan Kumpulan Wanita Persatuan Foochow Sibul	90
3.1.5	Keistimewaan Persatuan Foochow Sibul	94
3.1.6	Aktiviti-aktiviti Anjuran Persatuan Foochow Sibul	98
3.1.7	Sumbangan Persatuan Foochow Sibul dalam Bidang Pendidikan	100
3.1.8	Pemimpin-pemimpin Generasi Baru Persatuan Foochow Sibul	112
3.1.8.1	Datuk Law Hien Ding	112
3.1.8.2	Datuk Wong Soon Kai	113
3.1.8.3	Datuk Tiong Tai King	114
3.2	Perkembangan Persatuan-persatuan Foochow di Bandar-bandar Lain di Sarawak	118
3.2.1	Perkembangan Persatuan Foochow Kuching	118
3.2.2	Perkembangan Persatuan Foochow Miri	123
3.2.3	Perkembangan Persatuan Foochow Bintulu	125
3.2.4	Perkembangan Persatuan Foochow Kapit	129
3.2.5	Perkembangan Persatuan Foochow Sri Aman	135
3.2.6	Perkembangan Persatuan Foochow Limbang	133
3.2.7	Perkembangan Persatuan Foochow Sarikei	134
3.2.8	Perkembangan Persatuan Foochow Meradong	136
3.2.9	Perkembangan Persatuan Foochow Kanowit	138
3.2.10	Perkembangan Persatuan Foochow Tatau	139

3.2.11	Perkembangan Persatuan Foochow Balingan	139
3.2.12	Perkembangan Persatuan Foochow Mukah	140
3.2.13	Perkembangan Persatuan Foochow Batu Niah	141
3.2.14	Perkembangan Persatuan Foochow Baram	142
3.2.15	Perkembangan Persatuan Foochow Lawas	144
3.3	Kesimpulan	147

**BAB EMPAT : PERKEMBANGAN EKONOMI SIBU DAN  
HUBUNGANNYA DENGAN PERSATUAN FOOCHOW SIBU**

4.0	Pengenalan	148
4.1	Pencapaian Persatuan Foochow SibU dalam Industri Pembuatan Kapal di SibU	156
4.2	Pencapaian Persatuan Foochow SibU dalam Bidang Kewartawanan di SibU	161
4.2.1	Berita Harian See Hua	164
4.2.2	Berita Harian Malaysia	167
4.3	Pencapaian Persatuan Foochow SibU dalam Industri Kayu dan Kilang Papan di SibU	168
4.4	Pencapaian Persatuan Foochow SibU dalam Bidang Perbankan di SibU	171
4.4.1	Kewangan Delta ( Delta Finance )	172
4.4.2	Bank Hock Hua	174
4.4.3	Bank Kwong Ming	176
4.5	Organisasi Korporat Persatuan Foochow SibU	179
4.5.1	Rimbunan Hijau Sendirian Berhad	180
4.5.2	Kumpulan K.T.S.	185
4.5.3	Kumpulan W.T.K.	195
4.5.4	Syarikat Pansar	196
4.5.5	Sarawak United Sawmill Sdn. Bhd.	198
4.6	Tokoh Korporat dari Persatuan Foochow SibU	198
4.6.1	Datuk Tiong Hiew Khing	198
4.6.2	Tan Sri Datuk Amar Ling Beng Siong	200
4.6.3	Tan Sri Datuk Ting Pek Khing	201
4.6.4	Datuk Lau Hui Kang	202
4.6.5	Datuk Wong Tuong Kwang	203
4.6.6	Datuk Ama Ling Beng Siong	206
4.7	Kesimpulan	208

<b>BAB LIMA : KESIMPULAN</b>	209
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	215
Sumber-sumber Pertama	215
A. Rekod manuskrip Pejabat Tanah Jajahan (C.O. – Colonial Office Records)	215
B. Rekod manuskrip Pejabat Perang (W.O. – War Office Records)	215
C. Muzium Sarawak dan Arkib Negeri Sarawak, Kuching	215
D. Rekod Persatuan-persatuan Foochow di Sarawak dan Pamphlet-pamphlet	216
Penerbitan Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak	217
Artikel-artikel	219
Buku-buku	221
Majalah-majalah dan Laporan Rasmi	232
Tesis dan Latihan Ilmiah	236
Akhbar dan Ensiklopedia	237
Internet/Laman web	238
Senarai Respondan	241
<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	
Lampiran 1.1 Peta Malaysia : Lokasi Negeri Sarawak	247
Lampiran 1.2 Peta Lokasi Bandar Sibu	248
Lampiran 1.3 Peta Bahagian Sibu	249
Lampiran 1.4 Sejarah Awal Sarawak – Keluarga Brooke	250
Lampiran 1.5 Sejarah Awal Sibu	251
Lampiran 2.1 Penempatan Pertanian Foochow di Sibu : Syarat-syarat Pertanian yang dikeluarkan dalam Sarawak Gazette	252
Lampiran 2.2 Ong Thian Swee & Penjamin-penjamin antara Wong Nai Siong dan Rajah Sarawak	253
Lampiran 2.3 Perjanjian Pinjaman Sebanyak \$30,000 antara Wong Nai Siong dan Rajah Sarawak untuk Meneroka Sibu	254
Lampiran 2.4 Kumpulan Pertama Peneroka Foochow Mendarat di Sin Choo San Pada Tahun 1901 dan Keadaan Sin Choo San pada tahun 1978	257
Lampiran 2.5 Peneroka-peneroka Foochow di Sibu yang dibawa oleh Wong Nai Siong	258
Lampiran 2.6 Gambar Wong Nai Siang	259

Lampiran 3.1	Pengenalan Persatuan Foochow SibU	260
Lampiran 3.2	Carta Organisasi Persatuan Kuan Yuan SibU 1909-1910	261
Lampiran 3.3	Sejarah Perkembangan Persatuan Foochow SibU	262
Lampiran 3.4	Senarai Nama Pengerusi Persatuan Foochow dari 1949 Hingga Kini	263
Lampiran 3.5	Persatuan Foochow SibU pada Tahun 1951	264
Lampiran 3.6	Carta Organisasi Persatuan Foochow SibU 1948- 1949	265
Lampiran 3.7	Carta Organisasi Persatuan Foochow SibU 1998- 1999	266
Lampiran 3.8	Sumbangan Persatuan Foochow SibU dalam Bidang Pendidikan	267
Lampiran 3.9	Pemimpin-pemimpin Generasi Baru Persatuan Foochow SibU	270
Lampiran 4.1	Sejarah Perkembangan Industri Perkapalan di SibU	271
Lampiran 4.2	Sejarah Perkembangan Industri Kewartawanan di SibU	274
Lampiran 4.3	Sejarah Perkembangan Industri Kayu & Papan di SibU	275
Lampiran 4.4	Sejarah Perkembangan Perbankan di SibU	276
Lampiran 4.5	Kumpulan Korporat di SibU	278
Lampiran 4.6	Tokoh-tokoh Korporat Foochow di SibU	281



## SENARAI JADUAL

	Muka surat
2.1	Sebab-sebab Orang Cina Berpindah ke Luar Negara 46
2.2	Kedatangan Peneroka Foochow di Sibul Secara Tersusun Bawah Pimpinan Wong Nai Siang 1901-1902 53
2.3	Imigran Foochow Mendarat di Pelabuhan Sibul antara Tahun 1901 hingga Tahun 1909 57
3.1	Penduduk Foochow Sarawak dari tahun 1947 hingga 1991 67
3.2	Penduduk Foochow di Bandar dan Luar Bandar di Negeri Sarawak dari Tahun 1947 hingga 1970 69
3.3	Jumlah Sekolah di Sarawak dari Tahun 1931 hingga Tahun 1938 103
3.4	Sekolah-sekolah Rendah yang didirikan di Sepanjang Lembangan Rajang Antara Tahun 1900-an hingga 1950-an 107
4.1	Nilai Import dan Eksport Sibul pada Bulan April 1897 149
4.2	Nilai Import dan Eksport Sibul pada Bulan Jun 1897 150
4.3	Nilai Import dan Eksport Sibul Sarawak pada Tahun 1830 150
4.4	Jenis Pekerjaan Mengikut Kumpulan Dialek di Sibul dari Tahun 1948 hingga Tahun 1949 153
4.5	Persatuan Kedai Kopi antara Majikan dan Pekerja Mengikut Kaum di Sibul antara Tahun 1948 hingga Tahun 1949 154

## SENARAI PETA

	Mukasurat
1.1 Perluasan Wilayah Sarawak di Bawah Pemerintahan Keluarga Brooke	13
1.2 Taburan Persatuan Foochow di Semenanjung Malaysia	33
1.3 Taburan Persatuan Foochow di Sabah dan Sarawak	34

## SENARAI SINGKATAN

			Muka surat
1.1	JEAS	Journal Of East Asia	10
1.2	SUPP	Sarawak United Peoples' Party	20
2.1	ASEAN	Association of South East Asian Nations	47
3.1	S.P.G.	Society for The Propagation of The Gospel	103
3.2	R.C.	Roman Catholic	103
3.3	B. E.	Borneo Evangelis	103
3.4	S.D.A.	Seventh Day Adventist	103
3.5	K.M.N.	Kesatria Mangku Negara	113
3.6	P.B.S.	Pegawai Bintang Sarawak	113
3.7	P.N.B.S.	Panglima Negara Bintang Sarawak	113
3.8	No.	Nombor	119
3.9	Km	kilometer	126
4.1	LNG	Liquified Natural Gas	171
4.2	ATM	Automatic Teller Machine	176
4.3	MDF	Medium Density Fibreboard	181
4.4	SRB	Sekolah Rendah Bantuan	184
4.5	SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan	185
4.6	K.T.S.	Kuching Timber Store	185
4.7	W.T.K.	Wong Tuong Kwang	195
4.8	P.G.B.K.	Panglima Gemilang Bintang Kenyalang	200

## SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
1.1 Peta Malaysia : Lokasi Negeri Sarawak	7
1.2 Peta Lokasi Bandar Sibul	7
1.3 Peta Bahagian Sibul	7
1.4 Sejarah Awal Sarawak – Keluarga Brooke	7
1.5 Sejarah Awal Sibul	24
2.1 Penempatan Pertanian Foochow di Sibul : Syarat- syarat Pertanian yang dikeluarkan dalam Sarawak Gazette	43
2.2 Perjanjian Pinjaman Sebanyak \$30,000 antara Wong Nai Siong dan Rajah Sarawak Untuk Meneroka Sibul	49
2.3 Ong Thian Swee dan Penjamin-penjamin Antara Wong Nai Siong dan Rajah Sarawak	49
2.4 Kumpulan Pertama Peneroka Foochow Mendarat di Sin Choo San pada Tahun 1901 dan Keadaan Sin Choo San pada tahun 1978	51
2.5 Gambar Wong Nai Siong	54
2.6 Peneroka-peneroka Foochow yang dibawa oleh Wong Nai Siong	55
3.1 Pengenalan Persatuan Foochow Sibul	70
3.2 Carta Organisasi Persatuan Kuan Yuan Sibul 1909 -1910	71
3.3 Sejarah Perkembangan Persatuan Foochow Sibul	74
3.4 Senarai Nama Pengerusi Persatuan Foochow dari 1949 Hingga Kini	74
3.5 Persatuan Foochow Sibul pada Tahun 1951	75
3.6 Carta Organisasi Persatuan Foochow Sibul 1948-1949	83
3.7 Carta Organisasi Persatuan Foochow Sibul 1998-1999	83
3.8 Sumbangan Persatuan Foochow Sibul dalam Bidang Pendidikan	106
3.9 Pemimpin-pemimpin Generasi Baru Persatuan Foochow Sibul	111
4.1 Sejarah Perkembangan Industri Perkapalan di Sibul	156
4.2 Sejarah Perkembangan Industri Kewartawanan di Sibul	161
4.3 Sejarah Perkembangan Industri Kayu & Papan di Sibul	168
4.4 Sejarah Perkembangan Perbankan di Sibul	172

4.5	Kumpulan Korporat di SibU	179
4.6	Tokoh-tokoh Korporat Foochow di SibU	198

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji tentang perkembangan persatuan-persatuan Foochow di Sarawak, khususnya Persatuan Foochow Sibul dari tahun 1900 hingga tahun 1999. Kajian ini juga membuktikan wujudnya hubungan Persatuan Foochow Sibul dengan perkembangan ekonomi Sibul. Dengan memberi tumpuan kepada Persatuan Foochow Sibul, kajian ini melihat faktor-faktor yang menyebabkan perkembangannya menjadi sebuah persatuan yang berjaya. Orang-orang Foochow yang mula berhijrah ke luar negara untuk mencari kehidupan yang lebih terjamin telah berjaya mencapai matlamat mereka. Penubuhan persatuan-persatuan Foochow menyatupadukan mereka. Akibatnya, mereka berjaya mencapai kehidupan yang lebih selesa dan ada yang menjadi koporat yang berjaya dalam masyarakat. Kajian mendapati Persatuan Foochow Sibul mempunyai hubungan yang erat dengan perkembangan ekonomi Sibul dalam industri pembuatan kapal, kewartawan dan perbankan. Perkembangan ekonomi Sibul juga ada kaitan dengan kemunculan organisasi koporat dalam kalangan orang Foochow di Sibul.

# **FOOCHOW ASSOCIATION OF SIBU ( 1900-1999 ) AND ITS RELATION WITH THE ECONOMIC DEVELOPMENT OF SIBU**

## **ABSTRACT**

This thesis attempts to study the development of Foochow associations in Sarawak, especially the Foochow Association of SibU from 1900 to 1999. This research also aims to study the relationship between Foochow Association of SibU and the economic development of SibU. Focusing on the Foochow Association of SibU, this thesis also tries to look for factors that enables it to become a successful association in Sarawak. The Foochows migrate to other countries in order to find more secured living in order to fulfil their ambitions. The setting up of Foochow Associations in the place they stay and work leads to the unity among them. Eventually, they are successfully in finding a better living and have become successfully corporate in the society. Result of the study also shown that Foochow Association of SibU has close relationship with the economic development in SibU in ship-building industry, journalism and banking. The developments of the SibU economic are closely related to the emergence of corporate organizations among the Foochow in SibU

# BAB 1 PENGENALAN

## 1.0 Pendahuluan

Tumpuan tesis ini menyentuh sejarah perkembangan Persatuan Foochow Sibü, dari awal kedatangan masyarakat Foochow sejak tahun 1900 sehingga tahun 1999 serta hubungannya dengan ekonomi Sibü. Tajuk ini dipilih kerana masyarakat Foochow mempunyai identiti yang tersendiri berbanding dengan kumpulan etnik lain di Sarawak. Orang Foochow merupakan kumpulan etnik yang dinamik dan berdaya saing di Sarawak dan mereka memiliki sifat tahan lasak, tabah, bijak, berjimat cermat dan berpandangan jauh.

Orang Foochow berasal dari Wilayah Fuzhou, China. Di bawah pimpinan Wong Nai Siong, mereka berhijrah secara berperingkat-peringkat ke Sarawak khususnya ke Sibü pada awal tahun 1901. Puak Kantonis pula berpindah ke Sibü di bawah pimpinan Teng Kung Shook manakala puak Henghua berpindah ke Sibü di bawah pimpinan Ting Ping Yiong. Selepas sampai ke Sibü, orang Foochow telah membina sebuah rumah papan sebagai *Pejabat Foochow* pada tahun 1902. Pada tahun 1909, nama Pejabat Foochow telah ditukarkan kepada *Kesatuan Kuan Yuan* kerana ia menumpukan perhatian dalam memberi kebajikan kepada masyarakat Foochow di Sibü. Persatuan Foochow Sibü hanya ditubuhkan secara rasmi pada 5 Januari 1947.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Rujuk *Majalah Anniversari Ke-90 Penubuhan Penempatan Masyarakat Foochow di Sibü 1901-1991*, Sibü: Persatuan Foochow Sibü, Muzium Mini Persatuan Foochow Sibü, 1991, hlm. 341.



Dalam penyelidikan ini, saya menumpukan penyelidikan mengenai sejarah perkembangan persatuan-persatuan Foochow di Sarawak secara amnya dengan tumpuan kepada Persatuan Foochow Sibu dari awal penubuhannya pada tahun 1902 hingga tahun 1999 serta hubungannya dengan ekonomi Sibu. Jika dilihat dari segi bilangan orang Foochow yang menetap di Sibu, masyarakat Foochow merupakan penduduk majoriti di Sibu. Masyarakat Foochow dikatakan telah memainkan peranan dominan dalam pembangunan Sibu khususnya dalam sektor perbankan, industri, perniagaan, pendidikan, kewartawanan dan kumpulan korporat. Jadi, wajarlah sumbangan Persatuan Foochow Sibu serta masyarakat Foochow dalam pelbagai bidang dijadikan tumpuan kajian untuk membuktikan peranan dan sumbangan orang Foochow dalam pembangunan Sibu antara tahun 1900 hingga 1999.

Selepas penubuhannya pada tahun 1902, Persatuan Foochow Sibu telah berkembang pesat dan muncul sebagai sebuah persatuan yang aktif dalam masyarakat Cina di Sibu.

### **1.1 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini ialah untuk mengesani dengan lebih dekat dan mendalam tentang sejarah perkembangan dan sumbangan Persatuan Foochow Sibu secara khususnya serta masyarakat Foochow kepada masyarakat setempat melalui aktiviti yang dikelolaknya. Dengan ini, kita dapat memahami dan mengenali dengan lebih mendalam tentang ciri-ciri dan keistimewaan masyarakat Foochow. Dengan mengetahui sejarah perkembangan persatuan dan masyarakat Foochow tersebut akan menjadi

asas pengetahuan bagi perpaduan rakyat dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

Penulis juga berhasrat untuk memberi pendedahan berhubung dengan masyarakat Foochow Sibul kepada masyarakat luar, khususnya di Semenanjung Malaysia. Penyelidikan ini diharapkan akan menjadi perintis untuk mengkaji sejarah perkembangan Persatuan Foochow Sibul dan masyarakat Foochow di Sibul. Penulis juga berharap agar lebih banyak hasil penyelidikan dan kajian akan diusahakan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya yang bukan sahaja terdiri daripada masyarakat Foochow itu sendiri malahan daripada pengkaji-pengkaji luar dari Sibul.

## 1.2 Kajian Lepas

Terdapat beberapa penulisan tentang masyarakat Cina di Sibul dalam bahasa Mandarin yang ditulis oleh penulis Cina mengenai Sibul, antaranya Lau Zhi Cheng melalui bukunya yang berjudul *Wong Nai Siong and Sibul* (1991),<sup>2</sup> *Wong Nai Siong and New Foochow* (1917),<sup>3</sup> *Sejarah Ringkas Sarawak dalam Masa Seratus Tahun* (1996)<sup>4</sup> dan *Catatan Sibul Selepas Peristiwa Ngeri* (1996).<sup>5</sup>

Fong Hon Kah pula menulis bukunya yang berjudul *Sejarah Perkembangan Lembaga Rajang di Sarawak atau A History of The*

---

<sup>2</sup> Rujuk Lau Zhi Cheng, *Wong Nai Siong and Sibul*, Beijing: China Press, 1991.

<sup>3</sup> Rujuk Lau Zhi Cheng, *Wong Nai Siong and New Foochow*, Singapore: South Seas Society Press, 1979.

<sup>4</sup> Rujuk Lau Zhi Cheng, *Sejarah Ringkas Sarawak dalam Masa Seratus Tahun*, Sibul: Sarawak Chinese Culture Association, 1996.

<sup>5</sup> Rujuk Lau Zhi Cheng, *Catatan Sibul selepas Peristiwa Ngeri*, Sibul: Persatuan Kebudayaan Cina Sarawak, 1996.

*Development of Rajang Basin in Sarawak.*<sup>6</sup> Kedua-dua orang penulis ini banyak mengkaji tentang latar belakang bandar Sibu, penerokaan bandar Sibu dengan kemasukan peneroka-peneroka Foochow di bawah pimpinan Wong Nai Siong. Kajian penulis tertumpu terhadap peranan Persatuan Foochow Sibu dan sumbangan masyarakat Foochow dalam pembangunan sosio-ekonomi bandar Sibu.

Selain dari buku dalam bahasa Mandarin, terdapat juga beberapa buah buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris yang lebih menekankan tentang masyarakat Cina keseluruhannya di Sarawak. Misalnya Tien Ju Kang melalui bukunya *The Chinese of Sarawak : A Study of Social Structure* (1953)<sup>7</sup> telah menggunakan pendekatan sains sosial untuk mengkaji tentang orang Cina di Sarawak dari tahun 1948 hingga 1949. Penyelidikan Tien menjadi titik permulaan bagi segala pemahaman terhadap peranan dan pengaruh yang dimainkan oleh masyarakat Cina di Sarawak.

Kajian dari segi sejarah tentang kedatangan dan penerokaan kaum Cina di Sarawak telah dilakukan oleh Daniel Chew pada tahun 1990. Beliau merupakan seorang penulis yang mengkaji secara mendalam dan sistematik mengenai kaum Cina di Sarawak melalui bukunya *Chinese Pioneers on The Sarawak Frontier 1841-1941.*<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Rujuk Fong Hon Kah, *A History of Rajang Basin in Sarawak*, Sibu: The Cultural Heritage Committee, Dewan Suarah Sibu, 1996 dan Fong Hon Kah, *Sejarah Perkembangan Lembangan Rajang di Sarawak*, Sibu: Jawatankuasa Warisan Kebudayaan, Dewan Suarah Sibu, 1996.

<sup>7</sup> Rujuk Tien Ju Kang, *The Chinese of Sarawak: A Study of Social Structure, Monograph on Social Anthoropology*, London: No. 12 London School of Economics and Political Science, 1953.

<sup>8</sup> Rujuk Daniel Chiew, *Chinese Pioneers on The Sarawak Frontier 1841-1941*, Singapore: Oxford University Press, 1990.

Selain dari pengarang Cina terdapat juga pengarang Barat membincangkan sejarah masyarakat Cina di Sarawak. Misalnya, Craig A. Lockard dalam bukunya *Chinese Immigration and Society in Sarawak, 1868-1917* (1967)<sup>9</sup> dan Michael B. Leigh dalam bukunya *The Chinese Community of Sarawak : A Study of Communal Relation* (1964).<sup>10</sup> Kedua-dua buah buku itu membincangkan tentang kedudukan masyarakat Cina dari segi ekonomi, politik dan interaksi kaum Cina dengan kaum lain. John M. Chin melalui bukunya *The Sarawak Chinese* (1981)<sup>11</sup> ada membincangkan mengenai sejarah awal orang Cina di Sarawak dan persatuan-persatuan sosial dan politik yang ditubuhkan di negeri Sarawak. Kajian ini telah memberi gambaran awal tentang penghijrahan kaum Cina ke Sarawak serta cara kehidupan mereka khususnya di Sibü. Jelaslah kajian khusus tentang persatuan orang Cina di Sarawak perlu dilakukan. Penulis ingin menunjukkan bahawa Bandar Sibü tidak akan maju tanpa kehadiran masyarakat Foochow dan bukannya peranan keluarga Brooke.

### 1.3 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah yang lazim digunakan oleh penyelidik sejarah iaitu kaedah perpustakaan. Kaedah ini digunakan untuk memperoleh maklumat melalui rujukan dari buku-buku, surat khabar, internet dan majalah. Sumber-sumber yang diperoleh di Muzium Islam Sarawak, Civic Centre Museum, Muzium Cina Sarawak, Perpustakaan Awam Sibü, Perpustakaan Awam Kuching, Pusat Kegiatan Guru Sibü, Pusat Kegiatan Guru Sarikei, Pusat

---

<sup>9</sup> Rujuk Craig A. Lockard, *Chinese Immigration into Sarawak*, Master of Art Thesis, University of Hawaii, 1967.

<sup>10</sup> Rujuk Michael B. Leigh, *The Chinese Community of Sarawak: A Study of Communal Relation*. Singapore: n.n., 1964.

<sup>11</sup> Rujuk John. M.Chin, *The Sarawak Chinese*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981.

Kegiatan Guru Kuching, Pusat Sumber Yayasan Sarawak, Biro Penerangan SibU, Perpustakaan awam Kuching, Perpustakaan Awam SibU dan Dewan Pameran Warisan Kebudayaan SibU.

Rujukan sumber pertama berupa fail-fail dilakukan di Muzium Negeri Sarawak, Kuching, Arkib Negeri Sarawak di Kuching, mikrofilem di Universiti Sains Malaysia dan Muzium Mini Persatuan Foochow SibU di SibU dan pejabat-pejabat Persatuan Foochow lain di seluruh Sarawak.

#### **1.4 Masalah Kajian**

Penulis mengkaji masalah tentang penghijrahan Foochow ke SibU untuk mencari kehidupan yang lebih terjamin. Kajian juga dilakukan untuk mencari masalah tentang perkembangan dan sumbangan-sumbangan Persatuan-persatuan Foochow di Sarawak khususnya Persatuan Foochow SibU. Hubungan Persatuan Foochow SibU dengan pembangunan ekonomi SibU juga diberi penelitian secara khusus.

#### **1.5 Sejarah Awal Sarawak**

Sejarah awal Sarawak tidak diketahui dengan mendalam kerana kekurangan penyelidikan arkeologi pada masa lampau oleh ahli sejarah dari dalam atau luar negara. Hanya dalam sejarah China terdapat beberapa maklumat atau catatan yang boleh diperolehi untuk tujuan penyelidikan. Namun begitu, sumber itu hanya merupakan catatan ringkas yang boleh dijadikan kerangka asas sesuatu kajian. Oleh itu, kajian lapangan, dapatan arkeologi dan

artifak sejarah menjadi sumber penting dalam usaha mengkaji sejarah Sarawak.

### 1.5.1 Pemerintahan Sir James Brooke dan Hubungan dengan Orang Cina

Sejarah moden Sarawak<sup>12</sup> bermula dengan kedatangan James Brooke pada 15 Ogos 1839. Sir James Brook<sup>13</sup> merupakan Raja pertama Sarawak, Sir Charles Brooke<sup>14</sup> ialah Raja kedua Sarawak, manakala Sir Vyner Brooke merupakan Raja ketiga Sarawak.<sup>15</sup> Sarawak terletak di barat laut Borneo merupakan sebahagian Kesultanan Brunei<sup>16</sup> sejak

<sup>12</sup>Rujuk [www.monash.edu.my](http://www.monash.edu.my); [www.magiccarpetjournals.com](http://www.magiccarpetjournals.com); [www.malaysia-authentique.com](http://www.malaysia-authentique.com). Sarawak, Bumi Kenyalang, merupakan salah satu daripada 13 negeri di Malaysia. Ia mempunyai keluasan sebanyak 124,967 kilometer persegi dan terletak di barat laut Borneo. Keluasan Sarawak merupakan kira-kira 37% daripada keseluruhan keluasan di Malaysia. Untuk keterangan lanjut tentang Sarawak, sila rujuk Chang Pat Foh, *Heros of The Land of Hornbill*, Kuching: LeeMingPress.Co.1997, hlm. 12; <http://ms.wikipedia.org/wiki/Malaysia>; <http://www.brainyencyclopedia.com/encyclopedia/s/sa/sarawak.html>; <http://www.fact.index.com/s/sa/sarawak.html>; <http://www.sarawak.gov.my/>; <http://wikiverse.org/malaysia>; <http://202.184.114.102/state/sarawak/>; <http://en.wikipedia.org/wiki/Sarawak>; Hedda Morrison, *Sarawak*, Kuala Lumpur : Federal Publications, 1976, hlm. 15-43; Craig A. Lockhard & Graham E. Saunders, *Old Sarawak : A Pictorial Study*, Kuching : Borneo Literature Bureau, 1992; W. J. Chater, *Sarawak Long Ago*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1969, hlm. 18-23; *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, 1980, hlm. 7-9; *The Hutchinson Encyclopedia*, Sheffield: Helicon Publishing Company, 2000, hlm. 944; lihat juga Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London: MacMillan, 1982; J. Kathirithamby-Wells, "Sarawak and Sabah: Their Oigins", dalam Zainal Abidin Wahid, *Glimpses of Malaysian History*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980; [www.tourismmalaysiade](http://www.tourismmalaysiade); [www.impressions.com.my](http://www.impressions.com.my); [www.sarawak.com.my](http://www.sarawak.com.my); [www.visitmalaysia.nl](http://www.visitmalaysia.nl); [www.diggerhistory.info](http://www.diggerhistory.info); rujuk Lampiran 1.1, 1.2 dan 1.3.

<sup>13</sup> Maklumat lanjut tentang Sir James Brooke, rujuk Emily Habn, *James Brooke of Sarawak*, London : Arthur Barker Ltd., 1953; Mrs. McDougall, *Letters from Sarawak*, London : Wheldon & Wesley Ltd., 1924, hlm. 116; Her Highness The Ranner of Sarawak, *The Three Rajahs*, London : Cassell & Company Limited, 1939, hlm. 1-58; lihat juga Graham Saunders, "James Brooke and Asian Government", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 3 (1), 1973.

<sup>14</sup> Maklumat lanjut tentang Sir Charles Brooke, rujuk Her Highness The Ranner of Sarawak, *The Three Rajahs, op. cit.*, hlm. 59-114; lihat juga R.H.W. Reece, "Introduction : Spencer St. John's The Life Of Sir James Brooke, Rajah of Sarawak", *Borneo Research Bulletins*, Vol. 28, 1997, hlm. 66.

<sup>15</sup> Pamflet Muzium Sarawak, Muzium Sarawak, Kuching; Her Highness The Ranner of Sarawak, *The Three Rajahs ,op. cit.*, hlm. 115-298; rujuk juga Jagjit Singh Sidhu, "Sarawak, 1900-1963", dalam Zainal Abidin Wahib, *Glimpses of Malaysian History*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970; Max Saint, *A Flourish for the Bishop and Brooke's friend Grant: Two Studies in Sarawak History 1848-1868*, Braunton: Merlin Books Ltd., 1985; rujuk Lampiran 1.4.

<sup>16</sup> Maklumat lanjut tentang Kesultanan Brunei, rujuk B. A. Hussainmiya, *Sultan Ali Saifuddin III And Britain: The Making Of Brunei Darussalam*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 1-144; Graham Saunders, *A History of Brunei*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994, hlm. 1-32 & 67-98; rujuk juga H.R. Hugles, "A Sketch of The History of Brunei", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 5 (1), 1981; lihat juga D.E. Brown, *Brunei: The Structure and History of a Borneo Malay Sultanate*, Brunei Museum, 1970.

abad ke-15. Layanan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan Pengiran Mahkota yang menjadi wakil Sultan Brunei menyebabkan orang Melayu dan Dayak Darat (Bidayuhs) bersikap anti-Brunei.<sup>17</sup>

Datu Patinggi Ali<sup>18</sup> memimpin satu gerakan anti-Brunei menentang Pengiran Mahkota pada tahun 1835.<sup>19</sup> Walaupun Sultan Brunei<sup>20</sup> menghantar bapa saudaranya, Pengiran Muda Hashim untuk mendamaikan sengketa, pemberontakan masih berterusan. James Brook kembali ke Sarawak pada 29 Ogos 1840 dan mendapati pertempuran masih berterusan. Atas permintaan Pengiran Muda Hashim, James Brooke menjadi pengantara dalam pertelingkahan dan akhirnya satu penyelesaian secara aman telah dicapai. James Brooke diberi ganjaran dengan pemberian wilayah seluas 18,000 kilometer persegi dari Tanjung Datu ke Sungai Samarahan dan kawasan pedalaman sehingga ke Bau, Sarawak oleh Pengiran Muda Hashim pada 24 September 1841. Pada 1 Ogos 1842, James Brooke ditabalkan sebagai Rajah Putih pertama Sarawak di Brunei dan seterusnya ditabalkan di Kuching pada 18 September 1842.

---

<sup>17</sup> James P. Ongkili, "Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XX(40-41), 1972, Arkib Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 1-16.

<sup>18</sup> Tiada rekod menunjukkan bila Datu Patinggi Ali dilahirkan. Bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa beliau lahir menjelang penghujung abad ke-18. Beliau merupakan anak bongsu Dato Patinggi Abang Mir dan Dayang Yong. Datu Patinggi Ali mempunyai dua orang adik lelaki dan dua orang adik perempuan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Chang Pat Foh, *Heros of The Land of Hornbill*, *op. cit.*, hlm. 97-100 ; Chang Pat Foh, *The Land of Freedom Fighters*, Kuching : Lee Ming Press, 1995, hlm. 87-89.

<sup>19</sup> Rujuk juga Donald E. Brown, *Socio-Political History of Brunei, a Borneo Malay Sultanate*, unpublished Ph.D. Thesis, Cornell University, Ithaco, N.Y., 1969.

<sup>20</sup> Rujuk Matassim Hj. Jibah, "Pengiran Indera Mahkota Shahbandar Salleh and James Brooke in the history of Brunei", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 4 (3), 1979; lihat juga Peter Bellwood and Matussin B. Omar, "Trade Patterns and political development in Brunei and adjacent areas, A.D. 700-1500", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 4 (4), 1980; Lau Zhi Cheng, *Sejarah Brunei*, Sibiu : Sarawak Chinese Cultural Associations 2000. lihat juga A. E. Lawrence, "Stories of the first Brunei conquest on the Sarawak coast", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. 1 (1-4), Arkib Negeri Sarawak, Kuching, 1911; lihat juga D.E. Brown, : *Brunei: The Structure and History of a Borneo Malay Sultanate*, Brunei Museum, 1970.

Sebagai orang asing yang menjadi Raja di Sarawak yang dihuni oleh masyarakat berbilang kaum yang terdiri daripada Dayaks, Melayu dan Cina, James Brooke menghadapi kesukaran menyebarkan pengaruh dan kuasanya dalam kalangan penduduk di Sarawak kerana perasaan anti-British.<sup>21</sup> Penduduk Sarawak tidak mahu diperintah oleh orang-orang asing kerana cara pemerintahan mereka di Sarawak adalah menurut adat dan peraturan kaum serta demi kepentingan mereka sendiri. James Brooke misalnya telah mula memperkenalkan peraturan-peraturan baru seperti melaksanakan sistem cukai dan undang-undang berasaskan undang-undang barat.<sup>22</sup> Dalam tempoh 23 tahun pemerintahannya, James Brooke bertekad memperluas wilayahnya, menekan kegiatan lanun, menghentikan amalan potong kepala dalam kalangan kaum Iban dan menekan gerakan anti-Rajah Putih oleh masyarakat Melayu, Dayak dan Cina.

Dalam tempoh 17 tahun dari Ogos 1844 hingga 1861, James Brooke bertempur dengan Iban di Saribas dan Iban di Skrang, terutama menentang wira Iban, iaitu Rentap.<sup>23</sup> Gerakan penentangan orang Dayak jelas bersifat

---

<sup>21</sup> Lihat juga Stephen Runciman, *The White Rajahs : A History of Sarawak from 1841 to 1946*, Cambridge : Cambridge University Press, 1960 ; Reed, Mike & Tarmen, Wayne, *Economic Development under The Brookes* dalam R. A. Cramb & R. H. W. Reece (eds), *Development in Sarawak*, Victoria: Centre of Southeast Asian Studies, Monarch University, 1988; Reed, Mike & Tarmen, Wayne, *The Name of Brooke, The End of White Rajah Rule*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, Robert M. Pringle, *The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, (unpublished Ph. D. Cornell University), 1956.

<sup>22</sup> Rujuk Pan Xiang, *The Encyclopedia of the Chinese Overseas*, Hong Kong: Joint Publishing (H. K.) Co. Ltd., 1998, hlm. 184-186.

<sup>23</sup> Rentap merupakan salah seorang wira Iban pada abad ke-19 yang menentang pemerintahan James Brooke di Sarawak. Nama 'Rentap' dalam bahasa Iban bermakna 'seseorang yang menyebabkan dunia bergoyang' lahir kira-kira pada tahun 1800 dan tinggal di Ulu Krang dan Sungai Saribas di bahagian Sri Aman. Lihat juga Chang Pat Foh, *Heros of The Land of Hornbill*, *op. cit.*, hlm. 107-119; lihat juga Brada ak Beti, *Bincangkan Perjuangan Penduduk Tempatan Sarawak Menentang Pemerintahan Brooke pada Kurun Ke-19*, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya 2001-2002.



tempatan<sup>24</sup> tetapi tidak mudah untuk ditundukkan.<sup>25</sup> Rentap berasal dari Skrang dan beliau tidak mahu kaumnya diperintah oleh James Brooke. Beliau bertempur dengan tentera Rajah buat pertama kalinya di Skrang pada Ogos tahun 1844 dan seterusnya pada tahun 1853.<sup>26</sup> Pada Ogos tahun 1854, dengan angkatan tentera seramai 7,000 orang, Rajah James Brooke menyerang balas dan berjaya mengalahkan Rentap.

Penentangan kaum Cina berlaku apabila pelombong-pelombong Hakka di Bau pada tahun 1900-an ingkar perintah setelah Brooke menghadkan kebebasan menjalankan perdagangan candu dan arak<sup>27</sup> dengan negara-negara asing dan mengharamkan mereka mengeksport emas dan hasil lain ke luar negara.<sup>28</sup> James Brooke yang mengenakan cukai-cukai berdasarkan jumlah penduduk. Pada 19 Februari 1857, gerakan anti-Rajah yang dipimpin oleh Liu Shanbang dari Bau berjaya menduduki Astana Kuching untuk beberapa hari tetapi James Brooke berjaya melarikan diri.

James Brooke bersama-sama Charles Brooke membawa satu pasukan tentera yang kuat dari Sri Aman menyerang balas pejuang-pejuang Cina.

---

<sup>24</sup> Maklumat lanjut tentang penentangan Ibans terhadap pemerintahan James Brooke, rujuk Derek Freeman, Book review on Robert Pringle—"Rajahs and rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XVIII ( 36-37 ), 1970; lihat juga Bénédict Sandin, "The Iban under Brooke Rule", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XLVI, No.67 (New Series), 1994.

<sup>25</sup> Mohd. Isa Othman, *Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1999, hlm. 123.

<sup>26</sup> Maklumat diperolehi daripada Tugu Peringatan Rentap di Bukit Sibau, Pakan.

<sup>27</sup> J.R.Hipkins, "History of the Chinese in Borneo", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XIX, No. 38-39, 1971, hlm. 128.

<sup>28</sup> Chang Pat Foh, "The History of Gold Mining in Bau Sarawak", *Sarawak Gazette*, Vol. CXIX, No. 1519, April 1992, hlm.32; lihat juga Craig A. Lockard, "The 1857 Chinese Rebellion in Sarawak: A Reappraisal", *JSEAS*, Vol. IX (1), hlm. 85-98; lihat juga Brian Taylor, "The Chinese Revolt", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XVII (34-35), 1969, hlm. 290.

Akhirnya Liu Shanbang<sup>29</sup> terbunuh di Jugan pada 24 Februari 1857.<sup>30</sup>

Dalam kalangan bangsawan Melayu juga berasa marah kerana sekatan Brooke terhadap kuasa dan keistimewaan mereka. Walaupun begitu Rajah James Brooke mengekalkan kebanyakan pembesar Melayu yang berpengaruh dan dihormati kerana sikap pro-Brooke.

Terdapat juga Orang Melayu yang menentang pemerintahan Rajah James Brooke di Sarawak. Salah seorang pembesar ialah Sherif Masahor. Apabila James Brooke menguasai lebih banyak kawasan Kesultanan Brunei, Sherif Masahor<sup>31</sup> bercadang menyerang Kuching bersama-sama Datu Patinggi Gapur tetapi rancangan mereka gagal. Datu Patinggi Gapur ditangkap

---

<sup>29</sup> Liu Shanbang lahir di Wilayah Kwang Tung, China pada 1800. Dia meninggalkan China dan pergi ke seberang laut untuk mencari tuah. Dia pergi ke Sambas, Indonesia dan bekerja di lombong emas Sam Tiau untuk beberapa tahun. Oleh sebab pihak berkuasa Belanda melayan orang Cina dengan teruk, Liu Shanbang mengetuai sekumpulan pelombong untuk berhijrah ke Bau, Sarawak. Sebagai seorang peneroka, dia menubuhkan Kongsi Dua belas di Bau. Lihat juga Chang Pat Foh, *Heros of The Land of Hornbill*, *op. cit.*, hlm. 125-132 ; Chang Pat Foh, *The Land of Freedom Fighters*, *op. cit.*, hlm. 45-47; rujuk juga Chang Pat Foh, Liu Shanbang–The hero who refused to be ruled by the White Rajah, *Sarawak Gazette*, Vol. CXXI No. 1529, September, 1994 ; lihat juga Chang Pat Foh, Bau Chinese Rebellion 1857, *Sarawak Gazette*, Vol. CXII, No. 1495, April 1986, hlm. 34-35; lihat juga Chiew Leh Choon, “Bau: More Than Just Gold”, *Sarawak Gazette*, Vol. CXXVII, No. 1541, June 2000, hlm.32; rujuk juga Chang Pat Foh, “Major Events in the History of Bau” , *Sarawak Gazette*, Vol. CXIII, No. 1499, April 1987, hlm. 29-30; lihat juga [www.bau.com](http://www.bau.com).

<sup>30</sup> Deskripsi pada Tugu Pahlawan Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak, Sarawak.

<sup>31</sup> Sherif Masahor lahir di Brunei kira-kira pada tahun 1840. Beliau merupakan seorang wira Melayu yang menghabiskan kebanyakan masa dewasanya berjuang menentang pihak British yang cuba menguasai Sarawak dan Brunei. Pada tahun 1853, apabila Sultan Abdul Mumin dari Brunei menyerahkan Lembangan Hulur Rejang kepada James Brooke, beliau merupakan Gabenor di sana. Beliau mendakwa diri sebagai keturunan Nabi Muhammad dan sebab itulah beliau menggunakan gelaran “Sherip”. Nama “Masahor” bermakna “seseorang yang mulia”. Beliau merupakan datuk moyang Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Aduce bin Muhammad Noor, Yang Di-pertua Negeri Sarawak. Lihat juga Chang Pat Foh, *Heros of The Land of Hornbill*, *op. cit.*, hlm. 86-96, rujuk juga Tugu Pahlawan Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak; rujuk juga Abang Maludin Abang Oeran, *Sejarah Perkembangan Politik Melayu 1946-1963–Kebangkitan dan Tindak balas*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1986.

dan dihantar ke Mekah manakala Sherif Masahor balik ke kampung halaman secara senyap.<sup>32</sup>

Sarawak diiktiraf sebagai wilayah merdeka oleh Amerika Syarikat pada 24 Oktober 1850 dan Britain mengakui kemerdekaan Sarawak dengan melantik G.T. Ricketts sebagai Konsul British pada 19 Januari 1864.<sup>33</sup> Pada tahun 1853, wilayah Sarawak diperluas lagi apabila Sultan Brunei menyerahkan wilayah antara Sungai Sadong dan Sungai Oya. Pada 11 Ogos 1861, wilayah di Sarawak diperluas lagi apabila Sultan Brunei menyerahkan semua wilayah dan sungai dari Sungai Oya ke Kidurung, Bintulu kepada regim Brooke. (Lihat peta 1.1)

Orang-orang Cina di Sibul, terutama orang Foochow bekerjasama sepenuhnya dengan pemerintahan Sir James Brooke, terutama dalam memajukan bidang pertanian. Penduduk Cina di Sibul juga berusaha memajukan diri dalam bidang kebajikan dan kehidupan harian mereka.

### **1.5.2 Sarawak di bawah Sir Charles Brooke dan Hubungan dengan Orang Cina**


Apabila Sir James Brooke meninggal dunia pada 11 Jun 1868, Charles Brooke ditabalkan sebagai Rajah Putih kedua di Sarawak pada 3 Ogos 1868. Pemerintahan Charles Brooke aman kerana pemerintahan autokratiknya.

---

<sup>32</sup> Abang Maludin Abang Orian, *Sejarah Perkembangan Politik Melayu 1946-1963–Kebangkitan dan Tindak balas*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1986.

<sup>33</sup> Anthony Brooke, *The Facts About Sarawak*, Singapore: Summen Timur Publishing, Singapore, 1983, hlm. 1.

**PETA 1.1 PERLUASAN WILAYAH SARAWAK DI BAWAH PEMERINTAHAN  
KELUARGA BROOKE**



Sumber : *Vernon Mullen, The Story Of Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 5.

Sir Charles Brooke memerintah Sarawak selama empat puluh lapan tahun.<sup>34</sup> Beliau meluaskan lagi sempadan negeri sehingga kepada saiz Sarawak moden dan mendirikan asas-asas sebuah negeri moden.<sup>35</sup> Beliau telah mengumumkan Kuching<sup>36</sup> sebagai nama rasmi ibu negeri Sarawak pada 12 Ogos 1872. Beliau juga mencapai kejayaan dengan menghapuskan kegiatan lanun dan mengurangkan amalan potong kepala.

Pada 19 Jun 1882, peluasan wilayah berlaku dan diperluas melepasi Batang Baram dari Kidurung. Pada 3 Januari 1885, lembah Sungai Trusan juga diserahkan. Pada 17 Mac 1890, Batang Limbang dirampas atas permintaan orang tempatan di Limbang. Pada 5 Januari 1905, Sungai Lawas dibeli daripada Syarikat British Borneo Utara selepas kerajaan British bersetuju.

Sir Charles Brooke memerintah kaum Cina menerusi Ketua Kaum Cina yang dinamakan *Kangchu* atau *Kapitan* yang memberi kuasa dalam hal-hal berkaitan dengan pertikaian antara kaum Cina, mengeluarkan sijil perkahwinan, sijil kelahiran dan sijil kematian kaum Cina. Sebuah mahkamah Cina ditubuhkan di Kuching antara tahun 1911 hingga 1920 untuk menyelesaikan pertikaian kaum Cina. Hal ini merupakan satu langkah untuk memberi autonomi kepada masyarakat Cina di Kuching sahaja dalam perkara-perkara bukan politik.

---

<sup>34</sup> Jagjit Singh Sidha, "Sarawak 1900-1963," dalam Zainal Abidin Wahid, *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1963, hlm. 161-162.

<sup>35</sup> Lihat A.B. Ward, *Rajah's Servant*, Kertas Kerja Data No. 61, Southeast Asia Program, Department of Asian Studies, Cornell University, Ithaca, New York, November 1966; Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Served*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1978; S. Baring-Gould dan Bamfylde C.A., *A History of Sarawak under Its Two White Rajahs*, London, Henry Sotheran, 1909; lihat juga R. H.E. Reece, "Introduction to Ten Years in Sarawak by Charles Brooke", *Borneo Research Bulletin*, Vol. 23, 1991.

<sup>36</sup> Rujuk Chang Pat Foh, *Heros of The Land of Hornbill*, *op. cit.*, hlm. 50-63; dan Pamflet Muzium Sarawak, Kuching.

### 1.5.3 Charles Vyner Brooke dan Hubungan dengan Orang Cina

Rajah Putih ketiga, Sir Charles Vyner Brooke<sup>37</sup> menggantikan Sir Charles Brooke pada 24 Mei 1917. Pemerintahannya membawa kemajuan dalam semua bidang.

Pada 31 Mac 1941 Charles Vyner Brooke memaklumkan satu perlembagaan baru kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para pemimpin masyarakat di hadapan Istana. Perlembagaan baru bertujuan untuk mengakhiri zaman penguasaan Rajah secara mutlak di Sarawak. Ia memberi kuasa kepada Majlis Negeri yang turut dianggotai wakil daripada orang Cina. Bagaimanapun perlembagaan baru ini tidak dapat dilaksanakan apabila meletusnya Perang Dunia Kedua kerana pendudukan tentera Jepun di Sarawak pada penghujung tahun 1941.<sup>38</sup>

Sir Charles Brooke dan Sir Charles Vyner Brooke berusaha memajukan Sarawak dengan lebih pesat lagi. Bagaimanapun, segala perubahan dan pembaharuan yang hendak dilaksanakan mestilah dijalankan secara berperingkat-peringkat dengan mengambilkira dan menghormati adat resam penduduk-penduduk tempatan.<sup>39</sup>

---

<sup>37</sup> Lihat R.H.W. Reece, *The Name of Brooke-The End of White Rajah Rule*, *op. cit.*, hlm. 8-10; rujuk juga Joginder Singh Jessey, *Sejarah Asia Tenggara,(1824-1965)*, Kedah: Penerbit Darulaman, 1986; Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2002, hlm. 270-274.

<sup>38</sup> Joan Rawlins, *Sarawak 1839-1968*, London: Macmillan & Company Ltd., 1965, hlm. 56.

<sup>39</sup> Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Served*, *op. cit.*, hlm. 113-114.

#### 1.5.4 Orang Cina Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945

Serangan Jepun ke atas Sarawak bermula pada 16 Disember 1941 di Miri. Pada 19 Disember 1941, kapal terbang tentera Jepun menyerang ibu negeri Sarawak. Pada 24 Disember 1941, tentera Jepun menduduki Kuching dan pada keesokan harinya,<sup>40</sup> 25 buah kapal terbang pengebom Jepun menyerang Sibuan di Lembangan Sibuan.<sup>41</sup> Pendudukan Jepun menyebabkan penduduk Sarawak mengalami kemiskinan.

Semasa pendudukan Jepun di Sarawak<sup>42</sup>, banyak tokoh Foochow di Sibuan ditangkap dan dipenjarakan kerana Jepun mengamalkan dasar anti-Cina di Sarawak.<sup>43</sup> Pada tahun 1944, pihak Jepun menjadi semakin kejam. Mereka menangkap 30 orang Cina dari *Organisasi Anti-Jepun* atau *Kang Ri Hui* dan menuduh mereka menjalankan aktiviti anti-Jepun. Mereka diseksa supaya mengaku bersalah. Akhirnya, pada 9 Jun 1945, Zhang Jieru dan Liu Zhonghong dihukum mati dan yang lain dipenjara selama 3 hingga 10 tahun atau seumur hidup. Bagaimanapun, Jepun menyerah diri tanpa syarat pada 14 Ogos 1945 dan angkatan tentera dari Australia dibebaskan di Kuching pada 11 September 1945.<sup>44</sup>

<sup>40</sup> Maklumat lanjut tentang pengeboman Jepun terhadap Bandar Kuching; rujuk Yang Qing Nang, *Orang-orang Cina Terkenal di Seberang Laut di Dunia, Jilid 4.*, Taipei: Yayasan Sekolah-sekolah Vokasional Orang-orang Cina di Seberang Laut, 1985, hlm. 110-115.

<sup>41</sup> Maklumat lanjut tentang pendudukan Jepun di Sibuan, rujuk Professor Shu Yun-T'siao, *Malayan Chinese Resistance to Japan 1937-1945—Selected Source Materials*, Singapore: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd., 1984, hlm. 276-279 & 805-807.

<sup>42</sup> Maklumat lanjut, rujuk Professor Shu Yun-T'siao, *Malayan Chinese Resistance to Japan 1937-1945 – Selected Source Materials, op. cit.*, hlm. 800-804.

<sup>43</sup> Maklumat lanjut, rujuk Lau Zhi Cheng, *Kisah-kisah Sejarah Sarawak (4)*, Sibuan: Sarawak Chinese Cultural Association, 2000, hlm. 159-215.

<sup>44</sup> Gabriel Tan Soon Hock, *Japanese Occupation Sarawak—A Passing Glimpse*, Kuching: Jacamar Sdn. Bhd., 1997, hlm. 1-5. Rujuk juga *Sarawak Government Almanac*, Kuching, 1998; Bob Reece, *Masa Jepun: Sarawak Under The Japanese 1941-1945*, Kuching: Sarawak Literacy Society, 1998.

Selepas itu, Sarawak ditadbirkan oleh Pentadbiran Ketenteraan British selama tujuh bulan. Perang menyebabkan bekalan bahan-bahan asas tergendala dan pembangunan dalam sektor perubatan dan pendidikan juga tidak dilaksanakan. Penduduk Foochow di Sibuan menderita semasa pemerintahan Jepun. Manakala Persatuan Foochow Sibuan terpaksa menghentikan aktiviti-aktivitinya kerana larangan daripada pihak Jepun.

### 1.5.5 Sarawak Sebagai Tanah Jajahan British 1946-1963

Rajah ketiga Sarawak telah kembali memerintah Sarawak pada 15 April 1946.<sup>45</sup> Beliau memerlukan wang yang banyak untuk membangunkan Sarawak selepas musnah akibat Perang Dunia Kedua. Maka Sir Charles Vyner Brooke memutuskan bahawa adalah wajar Sarawak diserahkan kepada British sebagai tanah jajahannya.<sup>46</sup> Sungguhpun begitu terdapat tentangan hebat terhadap rancangan penyerahan ini daripada golongan tertentu dan penduduk tempatan Sarawak,<sup>47</sup> terutamanya orang Melayu.<sup>48</sup>

---

<sup>45</sup> Rujuk *Malaysia Kita- Panduan dan Rujukan untuk Peperiksaan Am Kerajaan*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2000, hlm. 100-108.

<sup>46</sup> Alasan bagi keputusan Vyner Brooke membenarkan penyerahan adalah pertimbangan peribadi beliau terutama usia lanjut beliau dan sebab-sebab kesihatan. Beliau juga meluahkan rasa tidak yakin terhadap anak saudaranya, Anthony Brooke, sebagai pengganti beliau. Di samping itu, terdapat banyak tekanan dari Pejabat Penjajah bagi menamatkan pemerintahan Brooke di Sarawak. Rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke-The End of White Rajah Rule*, op. cit., hlm. 191-194; Stephen Runciman, *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*, op. cit., hlm. 259; dan Robert Payne, *The White Rajahs of Sarawak*, London, Robert Hale, 1960, hlm. 176.

<sup>47</sup> *Economic Activities of Sarawak*, Kuching: Pan Asia Advertising & Communications Sdn. Bhd., 1993, hlm. 1.

<sup>48</sup> Untuk isu penyerahan, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke-The End of White Rajah Rule*, op.cit.,; dan Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak, 1946-1966: A Search for Unity and Political Ascendancy*, Singapura, Oxford University, 1985; *Sarawak Maju Sejak Merdeka*, Petaling Jaya: Kum Printers, 1973, hlm. 5-20; lihat juga War Office to Gibbons, 19 December 1945, WO 203/3973; War Office to Mountbatten, 21 December 1945, WO 203/5535; Mryclan to Vyner Brooke, 7 January 1948, WO 203/3974. Vyner Brooke to Hall, 20 Mac 1946, CO 537/1632; Dawson's report to Hall, 20 May 1946, CO 938/1 [58501]; lihat juga Yusuf Peter Heaton, (1974). "The Anti-Cession Movement In Sarawak", *Journal of The Malaysian Historical Sarawak Branch*, Kuching: Arkib Negeri Sarawak, Kuching.



Persidangan Majlis Negeri untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi Sarawak selepas perang dan masa depan negeri ini diadakan pada 16 dan 17 Mei 1946. Apabila persoalan tentang penyerahan Sarawak dibangkitkan, beberapa pihak menentang sekeras-kerasnya.<sup>49</sup> Wakil-wakil masyarakat Dayak dan Cina mengemukakan pendapat mereka untuk menghormati keputusan Rajah manakala wakil-wakil dari masyarakat Melayu dan pegawai-pegawai Eropah terbahagi kepada dua kem. Setelah bacaan ketiga Rang Undang-undang Penyerahan, 19 undi bersetuju dan 16 undi menentang, Rang Undang-undang Penyerahan diluluskan dengan majoriti 3 undi. Pada 20 Mei, Majlis Tertinggi Sarawak memberi kuasa kepada Rajah untuk menguatkuasakan surat untuk penyerahan. Kerajaan British meluluskan satu Rang Undang-undang untuk menerima penyerahan Sarawak. Maka satu rang undang-undang telah diluluskan oleh Perundangan Negeri pada Mei 1946 dan Sarawak dijadikan tanah jajahan British pada 1 Julai 1946.

Protes menentang keputusan Rajah Ketiga Sarawak dibuat menerusi satu tunjuk perasaan dianjurkan oleh Persekutuan Kebangsaan Melayu atau *Malay National Union*. Menurut Ho An Chon, seorang penulis sejarah Sarawak, mengatakan bahawa kelulusan Rang Undang-undang Penyerahan menyebabkan kepahitan dan ketidakpuasaan hati dalam kalangan bumiputera. Mereka bergabung dengan ahli-ahli Persatuan Kebangsaan Melayu untuk menentang penyerahan. Persatuan Kebangsaan Melayu merupakan yang terkuat dan terbesar dengan lebih 30,000 orang ahli. Pertubuhan Dayak

---

<sup>49</sup> Maklumat lanjut tentang penyerahan Sarawak kepada British, rujuk Lau Zhi Cheng, *Kisah-kisah Sejarah Sarawak (3)*, Sibu: Sarawak Chinese Cultural Association, 1999, hlm. 123-137.

Sarawak dengan keahlian kira-kira 500 orang di bawah pimpinan Barbara Bay, Philip Jitam dan adik lelakinya, juga menyertai pergerakan antipenyERAHAN.<sup>50</sup>

Apabila Sarawak diisytiharkan sebagai tanah jajahan British pada tahun 1946, wakil masyarakat Cina Majlis Tertinggi yang diwakili oleh Huang Zhangshui (Ong Tian Swee) menyambut baik langkah kerajaan ini. Sebagai balasan, masyarakat Cina mendapat derma daripada kerajaan kerana kesusahan yang dihadapi semasa perang. Pemimpin masyarakat dikehendaki menandatangani perisytiharaan sokongan terhadap keputusan Rajah untuk menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British. Pemimpin masyarakat Cina dipaksa menyokong penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British kerana keengganan berbuat demikian mengakibatkan mereka dituduh sebagai pengkhianat negara kerana mereka bersuhabat dengan pihak Jepun. Walau bagaimanapun, penduduk Cina terus mendapat bantuan daripada pihak kerajaan dan mencapai kemajuan dalam bidang pertanian dan pendidikan.<sup>51</sup> Pembukaan semula Persatuan Foochow Sibu dan persatuan Foochow lain di Sarawak dibenarkan penubuhannya untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya demi kebaikan orang-orang Foochow di Sibu khususnya.

### **1.5.6 Pemberontakan Brunei 1962 dan Hubungan dengan Orang Cina**

Pemberontakan Brunei merupakan satu kejadian yang berakhir dalam masa yang singkat. Pada malam 8 Disember 1962, A.M. Azhari, pemimpin Parti

---

<sup>50</sup> Ho An Chon, *Sarawak Historical Events 1946-1960*, Kuching: See Hua Daily News Bhd., 1992, hlm. 50.(terjemahan penulis)

<sup>51</sup> Rujuk Lim Phan Ing, *Kegiatan Ekonomi Masyarakat Cina di Bahagian Pertama, Kuching Semasa Pemerintahan Koloni British 1946-1963*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994/95; lihat juga Chang Tack Shin, *Masyarakat Cina di Bandar Kuching Sarawak 1841-1941*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994/95.

Rakyat Brunei mengetuai kira-kira 2000 orang ahli bersenjata dalam satu pemberontakan untuk menyerang balai polis dan kelengkapan telaga minyak. Sebenarnya sehari sebelum pemberontakan, Parti Rakyat Brunei menghantar wakil-wakilnya ke Miri untuk membincangkan rancangan mereka dengan pemimpin SUPP.<sup>52</sup> Pertemuan mereka diadakan di Telaga Minyak No. 1 yang telah lama ditinggalkan.<sup>53</sup> SUPP mendukung perjuangan perlembagaan dan menolak perjuangan bersenjata. Justeru itu, pemimpin SUPP tidak bersetuju dengan rancangan Parti Rakyat Brunei.

Akibat pemberontakan Brunei 1962, Kerajaan Penjajah Sarawak melancarkan *Big Arrest Incident*, iaitu satu operasi penangkapan beramai-ramai ke atas ahli-ahli politik yang dianggap menyokong pemerintah Brunei. Banyak pemimpin SUPP yang bersifat anti-penjajah ditangkap manakala yang lain bersembunyi dan golongan muda pula menyeberangi sempadan ke Kalimantan, Indonesia untuk menjalani latihan ketenteraan.

### 1.5.7 Pembentukan Malaysia

Pembentukan Malaysia dicadang oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama Malaysia pada 25 Julai 1961. Cadangan ini mendapat sambutan dan tentangan di Sarawak. Beberapa golongan tertentu yang anti-

---

<sup>52</sup> Maklumat lanjut tentang SUPP dan parti politik lain di Sarawak, rujuk Abdul Rahman Sebli Senusi, *Sejarah Perkembangan Politik Berparti di Sarawak 1956-1963*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1986/87.

<sup>53</sup> A.M. Azhari dilahirkan pada 1928 di Labuan dalam sebuah keluarga Arab. Semasa muda, beliau berpindah ke Brunei. Semasa Perang Dunia kedua, beliau dihantar oleh Jepun ke Indonesia untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang veterineri. Selepas itu, beliau menyertai tentera Indonesia dan berperang dengan Belanda. Pada tahun 1952, beliau kembali ke Brunei dan mengadakan aktiviti politik dan dipenjara selama 6 bulan. Dengan bantuan sultan, beliau menubuhkan syarikat percetakan. Pada 22 Januari 1956, beliau menubuhkan Parti Rakyat dan berjaya didaftarkan. Ia mendapat sokongan kuat daripada rakyat Brunei. Maklumat lanjut, rujuk Lau Zhi Zheng, *Sarawak di Bawah Pemerintahan Penjajah Inggeris (1946-1943)*, Sib: Sarawak Chinese Cultural Association, 2000, hlm. 250-269.

Rancangan Malaysia di Sarawak berkeras agar Sarawak merdeka dahulu, bukan melalui penubuhan Malaysia. Bantahan terhadap Rancangan Malaysia juga disuarakan oleh negara-negara jiran. Presiden Sukarno dari Indonesia menentang Rancangan Malaysia kerana ia adalah komplot negara-negara Barat yang dirancang dan didalangi oleh Britain. Filipina pula menuntut haknya ke atas Borneo Utara (Sabah). Penentangan daripada pelbagai pihak memaksa kerajaan Great Britain menghantar satu Suruhanjaya Penyiasatan yang ditubuhkan dan siasatan mereka menunjukkan bahawa kira-kira sepertiga daripada rakyat Sarawak menyokong Rancangan Malaysia, sepertiga daripada bersetuju dengan bersyarat dan sepertiga daripadanya lagi membangkang. Ini membuktikan bahawa majoriti penduduk Sarawak inginkan pembentukan Malaysia. Sarawak mencapai kemerdekaan pada 16 September 1963 menerusi Malaysia selepas diperintah oleh British sebagai tanah jajahan selama 17 tahun. Tun Abang Openg menjadi Yang Di-pertua Negeri Sarawak yang pertama dan Datuk Amar Stephen Kalong Ningkam dipilih sebagai Ketua Menteri Sarawak yang pertama.<sup>54</sup> Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 merupakan satu peristiwa yang penting di Sarawak. Menurut Ho Ah Chon, Malaysia dibentuk pada hari Isnin, 16 September, 1963. Ia diumumkan secara rasmi pada hari Khamis selepas rundingan di peringkat tinggi di Kuala Lumpur antara pemimpin-pemimpin dari kerajaan Malaya, Singapura dan Setiausaha Kolonial, En. Duncan Sandys.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> William T. Hornady, *Sarawak Historical Events 1960-1970*, Kuching: See Hua Daily News, 1995.

<sup>55</sup> Ho An Chon, *Sarawak Historical Events 1960- 1970*, Kuching: See Hua Daily News Bhd., 1995, hlm. 148; lihat juga *The Chinese Daily News* pada 30 Ogos 1963 (terjemahan penulis).

Penduduk Cina di Sarawak secara am dan penduduk Foochow di Sibuh khasnya menyambut baik pembentukan Malaysia. Menurut James Wong King Ming, secara amnya, pandangan-pandangan kebanyakan orang Cina yang cerdik dan bertanggungjawab melihat pembentukan Malaysia sebagai cita-cita yang mengghairahkan.<sup>56</sup>

Selepas pembentukan Malaysia, kerajaan Indonesia melancarkan Konfrontasi terhadap Malaysia yang berslogan antiimperialis. Terdapat golongan Cina dari Sarawak yang menyokong Indonesia atas asas gerakan antiimperialis. Golongan Cina di Sarawak menubuhkan Parti Komunis Kalimantan Utara pada 30 Mac 1970 di bawah pimpinan Lin Yanhua dan Huang Han yang merupakan pemimpin Parti Komunis Kalimantan Utara.<sup>57</sup> Di samping itu, Wen Mingquan dan Huang Jizuo menubuhkan Pasukan Gerila pada 30 Mac 1964 yang mempunyai 45 orang anggota dan kemudian bertambah kepada kira-kira 200 orang.<sup>58</sup> Pasukan gerila berpangkalan di Sungkung, Kalimantan. Parti Komunis Kalimantan Utara kemudiannya menubuhkan Pasukan Rakyat Kalimantan Utara Kawasan Rajang yang mempunyai 21 orang ahli dan 11 ahlinya terdiri daripada pemuda Foochow dari Sibuh.<sup>59</sup> Pasukan gerila meneruskan perjuangan di hutan sehingga operasai Sri Aman pada

---

<sup>56</sup> James Wong King Ming, *The Birth of Malaysia—A Reprint of The Commission of Inquiry, North Borneo and Sarawak & The Report of The Inter Government Committee 1962*, Kuching: Lee Ming Press Company, 1993, hlm. 49 (terjemahan penulis).

<sup>57</sup> Temu ramah dengan Nguong Swee Leng yang diadakan pada 20 Mac 2004. Lihat juga *Kenangan*, Sibuh: Lian Cheng Printing Com., 2000.

<sup>58</sup> Rujuk *Kisah Benar dalam Hutan*, Lian Cheng Printing Com., 2000.

<sup>59</sup> Lu Yu Ai, *The Stories in 1990*, Sibuh: Lian Cheng Printing Com., 2004. Lihat juga *Kisah Benar Dalam Hutan*, Lian Cheng Printing Com., 2000.

tahun 1974 dan hanya dibubarkan pada tahun 1990<sup>60</sup> selepas berjaya dalam rundingan damai dengan kerajaan Malaysia.<sup>61</sup>

## 1.6 Perkembangan Ekonomi, Sosial dan Politik Sibiu 1880-1999

Titik permulaan sejarah Bandar Sibiu bermula pada pertengahan abad yang ke-19. Pelbagai perubahan terjadi ke atas kependudukan, perkampungan dan struktur politik di wilayah barat laut Borneo ini.

Pada zaman pemerintahan Charles Brooke, Bahagian Ketiga ditubuhkan secara rasmi dan Sibiu terletak Bahagian Ketiga Sarawak. Sibiu mendapat nama daripada buah rambutan tempatan<sup>62</sup> kerana terdapat banyak buah rambutan tempatan yang dikenali sebagai *Buah Sibiu*<sup>63</sup> Penduduk Cina mula datang ke Sibiu dengan menaiki kapal layar<sup>64</sup> pada tahun 1862.<sup>65</sup> Sebelum 1 Jun 1873, Sibiu dikenali sebagai *Maling* yang merujuk kepada *Tanjung Maling* di bahagian lengkok Sungai Rajang.<sup>66</sup> Mulanya *Maling* merupakan sebuah kampung kecil yang mempunyai beberapa buah rumah kedai yang bersaiz kecil dan sederhana yang berdinding atap dan lantai

<sup>60</sup> Temu ramah dengan Lu Yu Ai pada 30 Mac 2004.

<sup>61</sup> Maklumat lanjut tentang komunisme di Sarawak, rujuk Vernon L. Puntit, *Rise and Fall of Communism in Sarawak 1940-1990*, Portland: Monash Asia Institute, 2004.

<sup>62</sup> *Commercial and Industrial Directory of Sarawak, Sabah & Brunei*, Sibiu: Meng Hu Printing Press, 1965, hlm. 420-422.

<sup>63</sup> Chang Pat Foh, *Legends & History of Sarawak*, Kuching: Lee Ming Press Co., 1999, hlm. 206.

<sup>64</sup> Maklumat lanjut tentang Sibiu, sila rujuk [http://www.fascinatingmalaysia.com/fmweb/website/html\\_new/sarawak/poi/3html](http://www.fascinatingmalaysia.com/fmweb/website/html_new/sarawak/poi/3html); <http://my.ksdb.com/6570/page>; [www.mir.com.my](http://www.mir.com.my); [www.exploit.com](http://www.exploit.com); rujuk Lampiran 1.5.

<sup>65</sup> Chai Cun Dui, *Sejarah Sibiu dalam Seratus Tahun*, Sibiu: Syarikat Percetakan Borneo, 1994, hlm. 5-6.

<sup>66</sup> [www.thelex.com](http://www.thelex.com)

buatan kayu.<sup>67</sup> Mulanya, penduduk Maling terdiri daripada orang Melayu sebagai golongan majoriti manakala orang Cina sebagai kaum minoriti.<sup>68</sup>

Sebelum tahun 1900, kebanyakan peniaga di bandar-bandar di Sarawak terdiri daripada orang *Kekhs* atau *Ming-Nang* yang berasal dari China. Perniagaan pada masa itu kebanyakannya dijalankan menerusi sistem *barter*.<sup>69</sup> Menurut Mike Reed dan Wayne Tarmen, peniaga-peniaga Cina datang berniaga di Sarawak sejak abad ke-7.<sup>70</sup>

Dari tahun 1889 hingga tahun 1900, terdapat hanya sebatang jalan di Sibul yang bernama Jalan Atap.<sup>71</sup> Perhubungan darat pada ketika itu dengan berjalan kaki sahaja manakala pengangkutan air pula hanya menggunakan sampan. Pada ketika itu, tidak ada kapal wap. Kadangkala kapal-kapal yang datang ke Sibul ialah kapal-kapal yang membawa arang batu dari Singapura. Bidang pendidikan dan hiburan memang tidak wujud ketika itu.<sup>72</sup>

Bandar Sibul<sup>73</sup> terletak di tebing hilir Sungai Rajang yang jaraknya kira-kira 65 batu (104 km) dari muara Sungai Rajang. Banjir kilat berlaku beberapa kali dalam setahun di Sibul kerana ia terletak di tanah rendah dan kerana sistem pengaliran yang kurang memuaskan.

---

<sup>67</sup> [www.wtk.com.my/](http://www.wtk.com.my/)

<sup>68</sup> *Commercial and Industrial Directory of Sarawak, Sabah & Brunei, op.cit.*, 1965, hlm. 421.

<sup>69</sup> Pamflet Muzium Sarawak, Kuching; lihat juga Lampiran 1.5.

<sup>70</sup> Mike Reed & Wayne Tarmen, *A Short Walk Throughout Sarawak—The Sarawak Cultural Village Revealed*, Kuching: Travelcom Asia Bhd., 1998, hlm. 38 (terjemahan penulis).

<sup>71</sup> *Kisah-kisah Sejarah Sarawak*, Sibul: Persatuan Kebudayaan Cina Sarawak, 2000., hlm. 5

<sup>72</sup> *Kisah-kisah Sejarah Sarawak, op. cit.* hlm. 5-6.

<sup>73</sup> Maklumat tentang Sibul, rujuk [www.borneoproperty.com](http://www.borneoproperty.com).